



جابتني ڦغايرن دان ساليرن نکري ڦيرق

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PERAK,
Tingkat 4 & 5, Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak.



Laman Web : jps.perak.gov.my

Telefon : PENGARAH / SETIAUSAHA PEJABAT 05-209 5400
AM 05-209 5000
KAUNTER 05-209 5433

Faksimili : PENGARAH 05-254 3943
AM 05-254 0290
Ruj. TURPQTRAT 05-241 0511

Ruj. Kami : Bil. (78) JPS.PK.(SULIT) 374 Jld 38JUB
Tarikh : 7 Safar 1447H
Ogos 2025

KEPADA SEMUA PETENDER

YBhg. Dato/Tuan/Puan

NO. SEBUTHARGA : JPS/IP/N/PK/S.H/10/2025 (BPSP).

TAJUK PROJEK : PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN LUAR JELAPANG DI RANCANGAN PENGAIRAN SENIN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN

Addendum No.1


Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan Addendum No. 01 bagi sebutharga yang tersebut untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

2. Dimaklumkan bahawa Addendum ini melibatkan pindaan pada **perkara 2.1 Penyediaan Sebutharga di bawah Arahan Kepada Penyebutharga pada muka surat 5A dan 6A**, seperti yang di lampirkan dalam Borang Sebutharga.
3. Untuk makluman tuan, tarikh tutup sebutharga dipinda daripada **7 Ogos 2025 kepada 14 Ogos 2025, Khamis**. Kegagalan mematuhi pindaan yang dinyatakan dalam Addendum ini akan menyebabkan sebutharga tuan tidak akan dipertimbangkan.
4. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan adalah amat dihargai.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAMZURINA BINTI ZAINUN)

Timbalan Pengarah II,
Jabatan Pengairan Dan Saliran,
Negeri Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

“JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA”

PERAKUAN /ACKNOWLEDGEMENT

Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh.
(u.p. Bahagian Ukur Bahan)

Tuan,

Akuan Penerimaan Addendum No. 01

NO.SEBUTHARGA : JPS/IP/N/PK/S.H/10/2025 (BPSP).

**TAJUK PROJEK : PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PENGAIRAN LUAR JELAPANG DI RANCANGAN PENGAIRAN SENIN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN
- ADDENDUM NO. 01**

Merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bil. (74) JPS.PK.(SULIT) 374 Jld 38JUB bertarikh Ogos 2025, saya kami yang bertandatangan di bawah mengesahkan penerimaan Addendum No. 1 bagi tender yang tersebut di atas dan juga pihak kami telah mengambil perhatian akan Addendum No. 1 tersebut dalam menentukan tawaran / tender kami dan bersetuju bahwasanya Addendum tersebut menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender berkenaan.

.....
Tandatangan Penender,
Yang diberikuasa dengan sempumanya
Untuk menandatangani dokumen ini
untuk dan bagi pihak:

.....
Cop/Meteri Kontraktor

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Alas Sifat:

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah ataumana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**2.1 Penyediaan Sebutharga**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- 2.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,
- 2.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- 2.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,
- 2.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,
- 2.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),
- 2.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),
- 2.1.7 Surat Akuan Pembida,
- 2.1.8 Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan¹.
- 2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 2.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.
- 2.1.12 Pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC).**

¹Bagi kerja melebihi RM200,000 sahaja

- 2.1.13 Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk *softcopy* (berbentuk CD), Penyebut Harga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *softcopy* dan *hardcopy*, Dokumen dalam *hardcopy* hendaklah digunakan.
- 2.1.14 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakantatertib akan diperakuan terhadapnya.

2.2 'Integrity Pact'

- 2.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran²** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogongan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 2.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.
- 2.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran³** berserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 2.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga **JPS/IP/N/PK/S.H/10/2025 (BPSP)** serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

² Untuk diisi oleh pihak yang menyediakan dokumen Sebut Harga

³ Sama seperti di atas